

26 JUL 2002

Mustapa-PAS

PAS SEMAKIN TERSEPIT BERIKUTAN SOKONGAN PADU PADA UMNO

KOTA BAHARU, 26 Julai (Bernama) -- PAS kini semakin tersepit untuk meraih sokongan rakyat sehingga pemimpinnya mengemukakan cadangan yang tidak masuk akal termasuk mengadakan pilihan raya mengikut sistem satu parti, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata PAS terpaksa berbuat demikian setelah rakyat kini kembali memberi sokongan kuat kepada Umno dan Barisan Nasional.

"Sebenarnya mereka (PAS) tahu mereka naik di atas secara 'luck' dan bukannya atas kekuatan sendiri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pertubuhan Peladang Kawasan Puteri Saadong, di sini hari ini.

Mustapa mengulas cadangan Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mahukan pilihan raya sistem satu parti diadakan bagi menangani masalah kempen tidak beretika, seperti yang berlaku baru-baru ini pada pilihan raya kecil kawasan Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyifatkan cadangan Nik Aziz itu sebagai tindakan ke arah pembentukan pemerintahan diktator.

Mustapa berkata cadangan Menteri Besar Kelantan itu tidak konsisten dengan amalan demokrasi yang memberi kebebasan kepada rakyat memilih pihak yang berkemampuan memperjuangkan nasib mereka dan negara.

Masalah kempen yang kasar pada pilihan raya boleh diatasi sekiranya parti-parti politik mematuhi peraturan dan budaya bangsa, katanya.

Beliau percaya rakyat yang berfikiran rasional akan menolak cadangan berkenaan.

Sementara itu Mustapa yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara berkata kerajaan sedang mempergiatkan usaha supaya petani berdaya maju dengan menghasilkan produktiviti yang tinggi dan mengurangkan kos pengeluaran.

Kebanyakan petani terus miskin akibat produktiviti mereka yang rendah sehingga memaksa kerajaan memberi subsidi sebanyak RM500 juta setahun, katanya.

Beliau berkata Pertubuhan Peladang Kawasan perlu mencari jalan agar petani tidak terus bergantung kepada bantuan subsidi kerana ia akan dihentikan kerajaan kerana tidak mahu membebankan rakyat di sektor lain.

-- BERNAMA

BD HM